

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HKN 304 - Kajian Teks Melayu Klasik

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan. DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Unsur legenda membantu pengarang di dalam memberikan gambaran tentang ketinggian kedudukan sesebuah negara kota. Negara yang kuat biasanya mempunyai pahlawan yang gagah dan ternama. Bincangkan pendapat tersebut berdasarkan watak Tun Beraim Bapa di dalam Hikayat Raja Pasai.
2. Dengan mengambilkira Sejarah Melayu sebagai sebuah karya sastera, bincangkan peranan watak-watak representatif daripada setiap lapisan masyarakat seperti yang tergambar di dalam karya tersebut.
3. Karya-karya historiografi ditulis untuk tujuan-tujuan tertentu. Berdasarkan Sejarah Melayu dan Hikayat Raja Pasai nyatakan tujuan-tujuan tersebut. Pada pendapat anda berjayakah pengarang-pengarang karya tersebut mencapai tujuan-tujuan berkenaan?
4. Kemukakan satu analisis mengenai unsur-unsur simbolik yang terdapat di dalam sama ada Hikayat Raja Pasai atau Sejarah Melayu. Pandangan anda hendaklah menyentuh tentang bentuk dan fungsi unsur-unsur itu.

BAHAGIAN B

5. Apakah yang anda faham tentang epik? Sejauhmanakah Hikayat Seri Rama dan Hikayat Hang Tuah memenuhi ciri-ciri epik?
6. Bandingkan watak Seri Rama di dalam Hikayat Seri Rama dengan watak Hang Tuah di dalam Hikayat Hang Tuah sebagai wira epik. Pada pendapat anda watak manakah yang lebih berkesan sebagai wira epik? Berikan sebab-sebabnya.
7. Bincangkan dengan kritis tentang fungsi motif cerita di dalam Hikayat Hang Tuah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan pandangan Sulastin Sutrisno di dalam bukunya Hikayat Hang Tuah: Analisa Struktur dan Fungsi, khususnya mengenai motif mimpi, ramalan, fitnah, keris dan mahkota.
8. Berdasarkan kajian anda ke atas Hikayat Seri Rama, bolehkah hikayat itu dianggap sebagai sebuah karya yang menggambarkan falsafah hidup masyarakat Hindu khususnya di dalam memperlihatkan konsep "asramadharma"?

-ooooOOOoooo-